

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. IR. SHAHARUDDIN BIN
ISMAIL [KANGAR]**

NO. SOALAN : 10

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan apakah status terkini kira-
kira 300,000 pekebun kecil getah di seluruh negara
yang belum memiliki geran dan Lesen Pendudukan
Sementara (TOL) dan berapakah jumlah kos yang
terlibat bagi membantu pekebun kecil getah yang
berdaftar di seluruh negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Pihak Kementerian melalui Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil (RISDA) mengambil maklum akan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kangar tentang pekebun kecil getah yang belum memiliki geran dan Lesen Pendudukan Sementara (TOL).

Pada masa ini RISDA masih tertakluk kepada bidang kuasa di bawah Akta 85 iaitu Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah yang menyatakan pekebun kecil adalah pemilik tanah (mempunyai geran) berkeluasan kurang daripada 100 ekar.

Dengan demikian, bantuan dan program yang dijalankan oleh RISDA adalah kepada pekebun kecil yang berdaftar dengan RISDA.

Manakala, urusan pentadbiran tanah mengenai pemilikan geran dan Lesen Pendudukan Sementara (TOL) adalah di bawah bidang kuasa tadbir urus Pejabat Daerah serta Pejabat Tanah dan Galian.